

03 APR 2000

MAHATHIR RAI ANGGOTA PARLIMEN DAN SENATOR

PUTRAJAYA, 3 April (Bernama) --Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali malam ini meraikan 150 anggota Parlimen dan senator dalam satu majlis makan malam di kediaman rasminya Sri Perdana, di sini.

Turut hadir ialah Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail, Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamed Ya'acob dan anggota-anggota Parlimen daripada parti pembangkang.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata anggota Parlimen pembangkang dijemput ke majlis berkenaan bagi membolehkan mereka melihat sendiri Kompleks Sri Perdana yang sebelum ini disifatkan mereka sebagai membazir wang rakyat.

"Saya bagaimanapun merasa sedih kerana hanya sebahagian anggota Parlimen pembangkang yang hadir pada malam ini," katanya.

Antara yang tidak hadir pada majlis itu ialah Ketua Pembangkang yang juga Presiden Pas Datuk Fadzil Noor dan Presiden Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Semasa ucapannya, Dr Mahathir turut mengambil kesempatan memberi penerangan kepada anggota pembangkang yang hadir mengenai hakikat sebenar, bahawa hanya satu pertiga kompleks itu untuk kediaman Perdana Menteri, manakala selebihnya terbuka untuk orang ramai.

"Orang ramai boleh mengunjungi kompleks ini setiap hari antara pukul 9 pagi hingga 5 petang," katanya.

Selepas majlis berkenaan, Dr Mahathir telah membawa semua anggota Parlimen dan senator melawat sekitar kompleks itu.

--BERNAMA

NY RI